

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 11 DISEMBER 2019 (RABU)

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini bagi mewujudkan komuniti yang selamat daripada keganasan rumah tangga, termasuk memudahkan akses mangsa mendapatkan *Emergency Protection Order* (EPO) serta penyediaan tempat selamat termasuk di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sentiasa prihatin dan memandang berat terhadap masalah keganasan rumah tangga. Bagi memberi perlindungan yang lebih baik kepada mangsa, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] digubal untuk memberikan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

Langkah untuk melindungi mangsa keganasan rumah tangga telah dipertingkatkan melalui pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] pada tahun 2017 dengan melantik Pegawai Polis dan Pegawai Kebajikan Masyarakat sebagai penguat kuasa dan juga menjadualkan tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diberi Kuasa untuk mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) untuk mangsa keganasan rumah tangga di bawah Akta 521. Pindaan kepada Akta tersebut bertujuan untuk mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa dan membantu memulihkan institusi kekeluargaan.

Mengikut seksyen 3A Akta 521, pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) diberi kuasa untuk mengeluarkan EPO yang boleh dimohon pada bila-bila masa. Permohonan EPO boleh dibuat di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang berdekatan. Permohonan EPO juga boleh dibuat secara *ex-parte* oleh mangsa, peguam mangsa, penjaga, saudara, orang yang bertanggungjawab kepada kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan atau seorang pegawai JKM selain pegawai JKM yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan penyediaan tempat selamat, pada masa ini terdapat 41 buah Tempat Selamat yang telah diluluskan oleh Menteri di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga di seluruh negara yang menerima mangsa keganasan rumah tangga buat sementara waktu. Orang awam terutamanya mangsa keganasan rumah tangga boleh menghubungi mana-mana PKMD yang berdekatan atau Talian Kasih 15999 untuk mendapatkan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, antara tindakan Kerajaan untuk mendukung usaha menangani masalah keganasan rumah tangga adalah melalui penubuhan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga peringkat Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang bertujuan untuk membincangkan isu keganasan rumah tangga, menyelaraskan pengumpulan data dan maklumat serta mencari tindakan penyelesaian terbaik dalam menangani keganasan rumah tangga. Mesyuarat Jawatankuasa yang pertama telah diadakan pada 28 November 2019 yang lalu, antara lainya bersetuju supaya kerjasama antara agensi dan pihak-pihak terlibat dalam menangani keganasan rumah tangga perlu dipertingkatkan. Ini dilakukan bukan sahaja dalam aspek penyelarasan dan pengemaskinian standard operasi (SOP) tetapi juga melalui penyelarasan data-data bagi menangani keperluan dan tindakan sebenar yang perlu dipastikan keberkesanannya di lapangan.

NO SOALAN: 44

Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga ini merupakan platform pemantauan dan penyelarasan usaha menangani kes keganasan rumah tangga antara agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) di peringkat persekutuan, negeri dan juga daerah.

Kementerian berharap agar usaha menangani masalah keganasan rumah tangga ini adalah usaha bersama dan menyeru semua rakyat Malaysia termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Negara sendiri untuk melaporkan masalah keganasan rumah tangga yang mungkin berlaku di mana-mana sahaja bagi melindungi dan membantu mangsa untuk menjalani kehidupan dan kembali kepada masyarakat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN ALAN LING SIE
KIONG
TARIKH : 11 DISEMBER 2019 (RABU)

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah penyelarasan had umur perkahwinan (18 tahun) dapat mengurangkan jumlah kehamilan luar nikah bagi golongan remaja bawah umur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian Mengenai Perkahwinan Bawah Umur yang dilaksanakan oleh UNICEF mendapati kanak-kanak juga tiada mempunyai ilmu pengetahuan dan memahami kesan daripada perlakuan hubungan seksual terhadap diri mereka. Bagi menangani isu ini, Kerajaan telah merangka program atau tindakan melalui pendidikan kesihatan reproduktif (*Sexual Reproductive Health* -SRH). Kementerian juga telah bekerjasama dengan KPM dan LPPKN melalui program PEKERTI dan KafeTEEN.

Pendidikan SRH merupakan salah satu faktor selain daripada penyelarasan had minimum umur perkahwinan yang ditangani oleh Kementerian ini melalui penyediaan Draf Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. Pelan ini merupakan pelan komprehensif melibatkan pelbagai agensi yang memberi penekanan bahawa pendekatan menyeluruh harus diambil bagi menangani isu perkahwinan bawah umur; sekali gus dapat mengurangkan kehamilan luar nikah di kalangan remaja.

Sekian, terima kasih.